



Headline: Tujuh kes babitkan RM21,000 di Sarawak
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 23 April 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 16

Tujuh kes babitkan RM21,000 di Sarawak

KUCHING - Polis menerima tujuh kes penipuan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) bank membabitkan kerugian RM21,000 di Sarawak.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Sarawak, Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, kerugian tertinggi melibatkan RM7,000, manakala terendah sebanyak RM1,200.

Menurutnya, mangsa berusia antara 19 hingga 46 tahun terdiri daripada empat orang berbangsa Cina, Melayu (dua) dan seorang Melanau.

TAC BANK

“Pegguna akan mendapat nombor TAC yang dihantar menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) walaupun tiada transaksi dilakukan.

“Susulan itu, suspek akan menghubungi mangsa menerusi SMS, WhatsApp atau panggilan telefon dan memberitahu kononnya nombor telefon mangsa tersilap daftar untuk akaun banknya, sebelum memaksa mangsa menghantar nombor TAC berkenaan dengan pelbagai alasan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam. - *Bernama*